

29 NOV 97

Mahathir-Buruh

SYARIKAT KELUAR BARANGAN 100 PERATUS EKSPORT BOLEH GUNA PEKERJA ASING

KUALA LUMPUR, 29 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata syarikat-syarikat yang mengeluarkan barangan dan menjual perkhidmatan 100 peratus untuk dieksport dibenarkan mengguna pekerja asing yang ada di negara ini atau membawa masuk pekerja asing yang baru.

Perdana Menteri berkata pada masa yang sama kerajaan masih menggalakkan industri-industri itu supaya menggunakan automasi atau robot kerana ia telah terbukti mampu meningkatkan pengeluaran.

"Kita telah ubah sikit dasar kita untuk membenarkan syarikat-syarikat yang eksport 100 peratus menggunakan pekerja asing.

"Seboleh-bolehnya (pekerja asing) yang sudah ada di sini. Kalau tidak ada di sini, kita benar bawa masuk (daripada negara lain)," katanya pada persidangan berita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di sini, hari ini.

Dr Mahathir baru kembali ke tanah air selepas melakukan lawatan kerja dua hari ke Tokyo. Sebelum itu Perdana Menteri menghadiri mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Vancouver, Kanada.

Ketika berucap pada pertemuan dengan 36 pemimpin perniagaan Jepun di Tokyo semalam, Perdana Menteri berkata Malaysia telah menghentikan dasar tidak menggalakkan industri-industri berintensifkan buruh tetapi ia hanya untuk industri berorientasikan eksport.

Pada persidangan berita di sini hari ini, Dr Mahathir ditanya sama ada langkah itu akan merugikan negara kerana para pekerja asing sudah tentu akan menghantar wang pendapatan mereka balik ke negara asal, sekaligus menyebabkan pengaliran keluar wang daripada negara ini.

"Kalau dia (industri) tak masuk langsung tak ada juga. Sekurang-kurangnya ada juga yang masuk. Kalau tak ada industri itu (yang berintensifkan buruh), tidak ada tukaran asing, tapi jika pengaliran masuk pun tak ada, kosonglah.

"Lebih baik lagi kita adakan industri, sedikit sebanyak kita dapat mengeluarkan barangan untuk 100 peratus dieksport dan ini menyebabkan kemasukan tukaran wang asing," kata beliau.

Mengenai penghantaran wang oleh para pekerja asing ke negara asal mereka, Perdana Menteri berkata sudah tentu bukan semua yang dihantar pulang kerana mereka perlu juga berbelanja di negara ini, dan ini bermakna sebahagian daripada pendapatan mereka akan kekal di negara ini.

Ketika ditanya sama ada keputusan membenarkan penggunaan pekerja asing dalam industri berorientasikan eksport itu juga bermakna kerajaan-kerajaan negeri kini dibenarkan untuk mengadakan misi-misi perdagangan ke luar negara secara lebih agresif, Dr Mahathir berkata: "Di mana perlu sahaja".

Beliau berkata kerajaan-kerajaan negeri masih perlu mendapatkan kebenaran kerajaan pusat sebelum ke luar negara untuk misi-misi perdagangan kerana kerajaan pusat ingin tahu tujuan misi itu dan apakah hasilnya.

"Dan jenis pelaburan asing (yang digalakkan) ialah dalam pengeluaran barangan atau pun perkhidmatan, bukan sebarang. Bukan pelaburan asing macam membeli saham untuk dijual saham," katanya.

Mengenai keanggotaan Majlis Bertindak Ekonomi Negara (NEAC) yang akan ditubuhkan Disember ini, Perdana Menteri berkata kerajaan sudah mempunyai idea mengenainya tetapi belum boleh mengumumkannya sekarang.

Menurutnya struktur keanggotaan, pelan tindakan dan bidang kuasa majlis itu akan diumumkan semasa pelancarannya kelak. -- BERNAMA

AH NAK

